# PENGURUSAN INTEGRITI DAN KESELAMATAN

## (ISU INTEGRITI)

*MODUL PTM INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)*

KAMSIAH IBRAHIM
INSTITUT LATIHAN SEKTOR AWAM NEGERI (INSAN)
JABATAN KETUA MENTERI SABAH

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# OBJEKTIF

**Di akhir sisi ini, peserta akan dapat;**

- *Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai konsep amalan, tadbir urus terbaik dan integriti dalam perkhidmatan sektor awam.*
- *Meningkatkan kemahiran pembudayaan integriti dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab sebagai pegawai awam.*
- *Memantapkan penghayatan integriti dalam semua transaksi perkhidmatan awam.*


INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# KANDUNGAN

1. PENGENALAN
   - Pelan Integriti Nasional (PIN) / PELAN ANTI RASUAH NASIONAL 2019-2023
   - Integriti Penjawat Awam
2. MENGAPA INTEGRITI PENTING?
   - Perlakuan Berintegriti
3. ISU DAN INDIKATOR INTEGRITI
   - Ketidakcekapan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam
   - Disiplin dan Etika
   - Tadbir Urus dan Pengurusan Kewangan
4. KESAN KEMEROSOTAN INTEGRITI
   - Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa
5. USAHA PEMANTAPAN INTEGRITI PENJAWAT AWAM
6. INTEGRITI DAN KECEMERLANGAN
7. SEMAKAN INTEGRITI
8. PERANAN PENJAWAT AWAM

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# 1. PENGENALAN

# APA ITU INTEGRITI?

# APA ITU INTEGRITI?

*Berasal daripada perkataan Latin*

**"INTEGRITAS"**



1. ***tidak terjejas (unaffected)***
2. ***kukuh (intact),***
3. ***benar (upright)***
4. ***boleh diharapkan (reliable)***

- ***Kejujuran dan Ketelusan***
- ***Berpegang teguh kepada prinsip Moral (Maruah) /Etika***

***Oxford Dictionary***

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# PENGERTIAN INTEGRITI

**“kejujuran, keadaan sempurna dan utuh”**

Kamus Dewan

**“Integriti adalah peribadi yang utuh, suci, unggul, tidak terjejas oleh sebarang kecacatan pada bila-bila masa, tempat atau keadaan”**

Prof Dato’ Dr. Syed Othman Alhabshi

**Membuat sesuatu yang betul dan baik walaupun tidak dilihat orang lain.**

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# Integriti?

"Integrity is doing the right thing, even if nobody is watching"

(W. Clement Stone)

# MEMAHAMI ISTILAH INTEGRITI



# NILAI

**NILAI:**

- Sesuatu yang kita berpegang teguh kepadanya
- Kita jadikan ia panduan atau pandangan hidup
- Kita sanggup pertahankannya
- Kita akan pasti ia terus disanjung

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

Contoh:

***Nilai-nilai Berdasarkan Agama ( Nilai Islam, Nilai Kristian, Nilai Hindu, Nilai Buddha Dan Nilai Sepunya )***



INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# NILAI TERAS

(PERLU ADA DALAM DIRI SETIAP PEMIMPIN) -CONTOH: Semua peringkat , **Penjawat Awam, Pemimpin Masyarakat,** dan sebagainya

1. Bercakap benar
2. Amanah
3. Telus (tabligh)
4. Bijaksana (Fatanah)
5. Sabar dan bersyukur
6. Berdisiplin
7. Jujur dan mesra
8. Berkerjasama dan saling menghormati

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# NILAI

NILAI:

- Apabila sebati dalam diri menjadi sifat individu

Contoh:

*Bersih adalah nilai positif, apabila sudah sebati dalam diri, individu itu menjadi pembersih dan tabiatnya suka kepada kebersihan*



INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# ETIKA

## ETIKA:

- Kaedah menentukan sesuatu perkara baik atau tidak, betul atau salah dari kacamata masyarakat , atau agama
- Bukan undang-undang tetapi mirip kepada perkara yang dianggap betul dan diterima masyarakat
- Kod Etika

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# *Pembudayaan Integriti Dalam Kalangan Masyarakat Malaysia*



**Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi telah melancarkan PIN pada 23 April 2004**

**KERAJAAN MALAYSIA**

**PELAN INTEGRITI NASIONAL**

***"..setiap dari kita, ada peranan yang perlu dilaksanakan bagi membangunkan negara ini. Walau apa jua bidang yang kita ceburi, laksanakanlah tugas yang digalas dengan penuh tanggungjawab, jujur, cekap dan berintegriti. Kita harus sentiasa berusaha untuk mencapai kejayaan yang tertinggi dan muncul sebagai yang terbaik agar dunia menghormati kita.."***

vedio

# LATAR BELAKANG PELAN INTEGRITI NASIONAL (PIN)

## 1. Pengenalan

*Menyedari tentang pentingnya integriti di kalangan masyarakat, Kerajaan telah menyediakan dan melaksanakan Pelan Integriti Nasional (PIN).*

*Pelan ini dibangunkan oleh IIM dengan fokus utamanya untuk menanam dan memupuk budaya etika dan integriti di kalangan semua lapisan masyarakat Malaysia.*



INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# OBJEKTIF PIN

Merealisasikan hasrat Wawasan 2020 iaitu menjadikan sebuah negara maju menurut acuan sendiri dengan membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur

(PIN, 2004)



INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# INTEGRITI ORGANISASI- PIN

**Integriti Organisasi** adalah **t**ercermin dalam perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, sistem dan proses kerja serta pematuhan amalan terbaik.

Kod perlu ditegas, diulang dan dihayati hingga menjadi kebiasaan dan budaya organisasi.

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# 2. MENGAPA INTEGRITI PENTING ?

# MENGAPA INTEGRITI ?

- Fungsi kerajaan berkembang melangkaui fungsi tradisional menjaga "law & order"
- Perkhidmatan awam atau masyarakat menyentuh kepentingan & keperluan awam & negara
- Matlamat & tujuan pengurusan awam perlu dilaksana & direalisasikan dgn cekap, berkualiti & memuaskan pelanggan



INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# RM108 bilion lesap setiap tahun

PUTRAJAYA 2 April - Dianggarkan RM108 bilion yang sepatutnya menjadi pendapatan negara setiap tahun lesap manakala lebih RM10 bilion lagi dipindahkan secara haram ke luar negara. Kerugian itu dikesan hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas kegiatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa melibatkan pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di seluruh negara.

**Pengarah Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Mustafar Ali** berkata, angka kerugian itu dianggarkan akibat aktiviti pemindahan wang secara haram melalui beberapa cara termasuk taksiran kurang, transaksi tanpa rekod serta penyeludupan wang.

"Akibat tindakan 'tangan-tangan kotor' ini, negara mengalami kerugian apabila hasil pendapatan lesap manakala wang rasuah yang diperolehi mereka dipindahkan secara haram ke luar negara.

"Berikutan itu, SPRM mengadakan 'Operasi 3b' iaitu sasaran kita mengembalikan semula RM3 bilion hasil pendapatan negara yang lesap," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Mustafar berkata, hasil operasi itu, sebanyak 62 orang pegawai JKDM telah ditahan dan sejumlah RM602 juta wang dibekukan, selain RM382 juta disita manakala RM31.2 juta dilucut hak harta.

"Kita siasat semua kes dan tangkapan ini di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Pengganas 2001 dan kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah melibatkan wang berjumlah RM1.2 bilion," katanya.

Tuesday, May 19, 2009

## *Pembinaan Hospital Rompin menelan Kos RM110 JUTA*

KUALA ROMPIN – Sebanyak RM110 juta diperuntukkan untuk membina Hospital Rompin di sini, yang dijangka siap menjelang akhir November 2011.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Rashid Shirlin berkata, projek hospital itu diluluskan kerajaan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Beliau berkata, keputusan kerajaan untuk membina hospital itu selaras dengan objektif kerajaan untuk memperbaiki dan meningkatkan perkhidmatan kesihatan di negara ini.

INTEGRITI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA The Malaysian Institute of Integrity

110 juta x ? = 108 billion? Berapa buah Hospital yang Kerajaan tidak dapat bina setiap tahun kerana dilesapkan oleh rasuah.

- Bagaimana pula dengan sekolah yang mempunyai fasiliti yang baik?
- Universiti? Jalan raya/lebuh raya? Jambatan di kampung-kampung?
- Berapa Kuarters untuk anggota keselamatan dapat dibina dengan wang sebanyak itu?


INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity



# Mengapa INTEGRITI Penting?

The Malaysian Institute of Integrity

**Integriti** dalam melaksanakan tugas adalah suatu kemestian. Berikut adalah antara perlakuan penjawat awam berintegriti yang menepati Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib 1993)

# PERLAKUAN BERINTEGRITI

1. Datang awal ke pejabat atau mengikut waktu.
2. Memenuhi keperluan pelanggan dengan mesra dan berhemah.
3. Tidak menyalahgunakan peralatan dan kemudahan pejabat, termasuklah kenderaan pejabat
4. Makan dan minum hanya dalam waktu rehat tengah hari.
5. Tidak keluar pejabat dalam waktu kerja tanpa kebenaran.
6. Menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh dan teliti.
7. Tidak menerima/meminta suapan daripada pelanggan
8. Mengemukakan tuntutan dengan jujur (termasuk sijil sakit)
9. Melaksanakan kerja dengan cepat, tepat dan berintegriti
10. Tidak terlibat dengan anasir jahat, dll.
11. Sentiasa mengikut prosedur dalam pelaksanaan tugas
12. Menggunakan kemudahan ICT untuk tujuan kerja
13. Menutup lampu & semua peralatan yang tidak digunakan


INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# PERKHIDMATAN AWAM

- Suatu institusi masyaratkat dan negara yang membekalkan perkhidmatan kepada orang ramai
- Melibatkan pembentukan dan pelaksanaan dasar kerajaan
- Matlamatnya mewujudkan kesejahteraan sosial berasaskan masyarakat madani (civil society) & keadaan keadilan sosial (social justice)

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# INTEGRITI PENJAWAT AWAM

**INDIVIDU YANG MEMPUNYAI AMANAH, KUASA DAN TANGGUNGJAWAB.**

Tidak boleh menyalah guna kuasa

- diri sendiri
- keluarga
- saudara mara
- kawan

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# INTEGRITI PENJAWAT AWAM

"...melaksanakan amanah dan kuasa yang diberi untuk kepentingan umum. Tidak salahguna untuk kepentingan diri. Beri keutamaan kepada kepentingan awam bila berlaku konflik."

(Pelan Integriti Nasional, m.s 18)



INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# AMANAH

إِنَّا عَرَضْنَا ٱلْأَمَانَةَ عَلَى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱلْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَن
يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا ٱلْإِنسَٰنُ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

**"...Sesungguhnya Kami telah bentangkan tanggungjawab amanah Kami kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya: (ingatlah!) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan..."**

**Al-Ahzab: 72**



INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# AKAUNTABILITI (Kebertanggungjawaban)

**Menjalankan tugas, kewajipan dengan penuh tanggungjawab berpandukan peraturan dan undang-undang**





INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

**Lelaki Ini Pernah Patah Kaki... 8 Tahun Kemudian TERKEJUT Apa Yang Ditemui TERTINGGAL !!!** | Assalamualaikum. "Ya allah berikanlah aku kekuatan untuk berkongsi tentang apa yang berlaku kepada diri ku". Mohon jasa baik kawan2, sahabat2 saudara2 berikan pendapat.Kes kecuaian hospital yang mereka ambil mudah dan tiada penjelasan dari atas apa yang mereka lakukan.




Perkara ini berlaku bermula pada 14 november 2007(ketika itu saya berumur 20 tahun). Apabila saya mengalami kemalangan jalan raya di jalan wahyu, kuala lumpur ketika mahu ke tempat kerja di tesco ampang(menunggang motor). Dan yang amat menyedihkan lg kaki saya patah pada bahagian tulang paha kanan(seperti dalam gambar). setelah itu saya pun dihantar ke sebuah hospital kerajaan di k.lumpur dengan menaiki kereta yang di bantu oleh orang yang berada





Setelah operation tiada seorang doktor pun yg menjelaskan perkara sebenar. Semasa lawatan pun mereka tidak ke katil saya, dan tak tunjuk pada sy hasil xtray. mungkin mereka tidak tau bagaimana mahu menjelaskan. Sehingga saya terpaksa mencuri tengok xtray saya ketika mereka leka secara sembunyi(xtray seperti dlm gambar)..ya allah!!!.. dgn jelas sy nampak mata besi drill melalui xtray. Sy amat sedih. Bermacam2 bermain Dlm fikiran saya seperti boleh ke bahan operation (besi drill) kekal dalam tulang?.betul ke xde infection?.. selamat ke?..kenapa xde doktor yg jelaskan?..kenapa doktor di k.lumpur lakukan saya sampai begini?..patutlah kaki saya x boleh bengkok!!..sbab ada bende asing dalam kaki selain besi implant.. selepas seminggu saya mohon keluar, kerana saya terasa amat tertekan berada di

Lelaki Ini Pernah Patah K...
http://www.semasaviral.com
SHARE




3 / 5 photos



Lelaki Ini Pernah Patah K...
http://www.semasaviral.com
SHARE




Semasa sy dihospital, sehari sebelum pemedahan.Tiba2 seorang doktor cina datang ke katil saya.

Doktor : u tau x kaki u ada tertinggal besi drill, dan besi drill tu tertinggal patah didalam tulang kaki u semasa operation pertama?.

Saya : besi drill?..ape tu?.. patah?.. dalam tulang?..ape tu?..

(Doktor tu cuba memberi tahu secara terperinci)

RITI
MALAYSIA
of Integrity

**Harian Metro**
8 Apr at 18:36

**#shahalam** Defendan pertama Dr Fatima Najla KM Muhd dan defendan kedua Kelana Jaya Medical Centre Sdn Bhd, diarah membayar jumlah wang berkenaan sebagai ganti rugi am, ganti rugi khas serta teladan kepada plaintif, Noorziana Md Yusuf.
http://www.hmetro.com.my/node/128961



**Doktor, hospital diarah bayar RM165,375**
Shah Alam: Mahkamah Sesyen di sini, hari ini,...
hmetro.com.my

5.5K · 287 Comments · 597 Shares

Like · Comment · Share



Harian Metro

# Doktor, hospital diarah bayar RM165,375

BY SIRAJ MOHD ZAINI
8 APR 2016 18:27

Shah Alam: Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, memerintahkan seorang doktor dan sebuah hospital swasta di Petaling Jaya membayar RM165,375 kepada seorang peguam kerana kecuaian ketika melakukan pembedahan pada 2012.

Hakim Nursinah Adzmi ketika membuat keputusan itu dalam kamar berkata, kedua-dua defendan iaitu defendan pertama Dr Fatima Najla KM Muhd dan defendan kedua Kelana Jaya Medical Centre Sdn Bhd, diarah membayar jumlah wang berkenaan sebagai ganti rugi am, ganti rugi khas serta teladan kepada plaintif, Noorziana Md Yusuf.

Menurutnya, tuntutan kepada defendan pertama adalah ganti rugi akibat kecuaiannya ketika melakukan pembedahan 'caesarean' bagi melahirkan anak pada 6 Disember 2012 sehingga menyebabkan Noorziana mengalami komplikasi, kecederaan dan kesakitan.

SPONSORED

"Plaintif mengalami masalah kebocoran air kencing dan faraj selepas pembedahan itu," katanya.

Noorziana memfailkan writ saman pada Januari 2015 menuntut ganti rugi berikutan komplikasi dialaminya selepas menjalani pembedahan di hospital terbabit.

kecederaan dan kesakitan.

SPONSORED

"Plaintif mengalami masalah kebocoran air kencing dan faraj selepas pembedahan itu," katanya.

Noorziana memfailkan writ saman pada Januari 2015 menuntut ganti rugi berikutan komplikasi dialaminya selepas menjalani pembedahan di hospital terbabit.

Dalam writ saman itu, Noorziana mendakwa Dr Fatima Najla cuai serta gagal mengendalikan pembedahan sebagai pakar sakit puan dan perbidanan serta tidak mengambil langkah berhati-hati ketika melakukan pembedahan.

Plaintif turut mendakwa hospital terbabit gagal memastikan pakar sakit puan yang melakukan pembedahan ke atasnya mencapai standard yang tinggi serta gagal menyediakan kemudahan pakar urologi.

© 2015. NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BERHAD (4485-H). All rights reserved.

# 3. ISU DAN INDIKATOR INTEGRITI

# INDEKS PERSEPSI RASUAH (CPI)

| TAHUN | KEDUDUKAN | BIL. NEGARA | SKOR |
|---|---|---|---|
| 2006 | 44 | 163 | 5.0 |
| 2007 | 43 | 180 | 5.1 |
| 2008 | 48 | 180 | 5.1 |
| 2009 | 57 | 180 | 4.5 |
| 2010 | 57 | 180 | 4.4 |
| 2011 | 60 | 182 | 4.3 |
| 2012 | 54 | 176 | 49% |
| 2013 | 53 | 177 | 50% |
| 2014 | 50 | 175 | 52% |
| 2015 | 54 | 167 | 50% |
| 2016 | 55 | 176 | 49% |
| 2017 | 62 | 180 | 47% |

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

Diantara Negara-negara teratas dari segi CPI-TI berbanding negara-negara yang terkebawah dari segi CPI-TI…

- Dimana kita hendak berada?

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# NEW ZEALAND (CPI – 1/180 – 89%)










# DENMARK (CPI – 2/180 – 88%)



# MYANMAR (CPI – 130/180 -30%)









# SOMALIA  (CPI – 180/180 – 9%)



# AMALAN INTEGRITI SEMASA

Banyak kajian telah dijalankan terhadap persepsi masyarakat tentang integriti – kajian IIM.

i. Tahap kesedaran masyarakat tentang budaya integriti masih rendah dan perlu perhatian.
ii. Media sering melaporkan kes rasuah, pecah amanah, salah guna kuasa dsb.

# Apa isunya?





INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
*The Malaysian Institute of Integrity*

# Jika anda?

The Star, FRIDAY 13 DECEMBER 2013 NATION 3

## Hotel worker returns diamond ring

### Singaporean businesswoman gets nice surprise

By R.S.N. MURALI
murali@thestar.com.my

**MALACCA:** Diamonds are forever but honesty is priceless as shown by a hotel staff member who returned a US$15,000 (RM48,000) diamond ring left behind by a Singaporean businesswoman.

The female guest, who requested anonymity, praised the 24-year-old employee of Hatten Hotel in her posting on the travel website TripAdvisor.

"Our special thanks go to all the staff especially Mr Khua Kung Thang who did our housekeeping and found the diamond ring that we lost. Scepticism and pessimism put to rest here. This property will have its special place in our hearts and memories," said the guest in her review of the hotel several days ago.

When contacted, Hatten Hotel general manager Chuck Kassim said the woman was not even aware that she had dropped her ring in the room when she checked out on Dec 8.

"She only knew about the loss when we called her to inform her about it," said Chuck, adding that the woman was driving back to Singapore then.

She had stayed at the hotel for three days on a business trip.

Khua, a Myanmarese who is attached to the housekeeping team, found the diamond ring which had fallen into the groove of a chair inside the hotel room.

He then placed it on the writing table before informing his superior.

Chuck said the Singaporean businesswoman was elated about the news and drove back to the hotel, requesting to meet Khua in the same room where she had stayed.

"She wanted to thank him personally," he said.

It is learnt that she gave him a reward.

Chuck said the hotel would recognise Khua at their quarterly staff gathering where he would be given a certificate of recognition and a monetary reward.

"He is a shining example for others," he added.

In May, Holiday Inn Melaka earned praises of Chief Minister Datuk Seri Idris Haron and global tourism associations when its housekeeping staff member Shafinah Ahmad, 24, returned RM11,000 to a businessman from Kelantan.

Shafinah was cleaning a room when she saw a briefcase with several banknotes sticking out from its side.

Though the bag was shut, she had a hunch it contained cash.

She took the bag to the management office, which promptly informed the businessman who was on his way back to Kota Baru.

# CABARAN PEMBUDAYAAN INTEGRITI

i. Cabaran dalaman – **amal 'amanah'?**

- Majoriti agama menekankan amalan 'kesederhanaan' dalam kehidupan.
- Sikap individu – gemar mengejar kekayaan & kehidupan duniawi (materialistik)
- **Punca**: Didikan moral & agama yang rendah – tiada harga diri.

# Punca: Didikan moral & agama yang rendah – tiada harga diri-nak hidup senang



## Gadis lulusan IPT jadi GRO

KUALA LUMPUR: Seorang Ahli Dewan Negara semalam mendedahkan ada gadis kampung yang berpendidikan tinggi menjadi pegawai perhubungan pelanggan (GRO) dan gadis urut pada waktu malam bagi meraih pendapatan tambahan lumayan.

Senator Datuk Rizuan Abdul Hamid yang membuat pendedahan itu berkata, gadis berkenaan juga memberitahu keluarga masing-masing, mereka bekerja dalam sektor kerajaan atau swasta pada siang hari dan melakukan kerja lebih masa pada waktu malam.

Bagaimanapun, katanya gadis terbabit tidak menceritakan mereka menjadi GRO dan gadis urut pada waktu malam.

"Gadis ini dipercayai meraih pendapatan mencecah RM10,000 sebulan dan kebanyakan berusia antara 18 hingga 25 tahun," katanya di sini, semalam.

Sehubungan itu, beliau meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil tindakan terhadap pusat hiburan yang menawarkan perkhidmatan GRO bagi menyekat pembabitan lebih ramai gadis dalam kegiatan itu.

Beliau juga berkata, Jabatan Agama Islam negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) harus mengadakan lebih banyak serbuan terhadap premis hiburan bagi menyekat pembabitan gadis terbabit.

"Ketika ini, saya nampak pegawai penguat kuasa bekerja dari jam 8 pagi hingga 5 petang mengikut waktu pejabat dan mereka jarang sekali memantau dan melakukan pemeriksaan di pusat hiburan."



Akibat tekanan hidup di ibu kota

## Siang kerani, malam GRO

> Ketika siang, mereka begitu sopan dan ramai yang bertudung ketika ke pejabat. Menjelang malam, mereka menukar imej dengan berpakaian ranggi dan seksi. Inilah sifat dua alam segelintir wanita bujang kakitangan kerajaan, sanggup menggadai maruah bekerja sambilan sebagai pelayan pelanggan (GRO) di pusat hiburan di ibu kota, lapor Munan Samad

ms 4

# ISU-ISU INTEGRITI

1) Pembaziran Sumber-value for money
2) Salah Guna Kuasa dan Sumber
3) Tunggakan Hasil
4) Penyelewengan
5) Rekod Kewangan Tidak Lengkap
6) Kawalan yang longgar
7) Teknologi yang tidak terkini

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# ISU-ISU INTEGRITI

i. Ketidakcekapan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam:

ii. Masalah Disiplin dan Etika Anggota Perkhidmatan Awam

iii. Tadbir Urus dan Pengurusan Kewangan

## i. Ketidakcekapan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam:

- Karenah birokrasi
- Proses kerja yang lambat
- Kekurangan pegawai dan kakitangan
- Kekurangan kemahiran ICT
- Penguatkuasaan lemah dan berpilih
- Ketiadaan koordinasi antara jabatan



***"...kebolehan seorang penjawat melaksanakan tugasan yang diberikan sebaik mungkin berdasarkan kemampuan masing-masing. Pegawai yang tidak menerima rasuah dan seumpamanya tetapi lemah dalam perlaksanaan tugasannya turut dianggap sebagai tidak berintegriti***

***(MANTAN KSN, Integrity at Works, view from the top)***

# ISU-ISU INTEGRITI

## Ketidakcekapan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam:

12 NEGARA!

# 'KWSP lambat, suami saya sudah meninggal'

Oleh: NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – "Saya rasa terkilan dengan apa yang berlaku, kini semuanya sudah terlambat kerana suami saya telah pun meninggal dunia."

Itulah luahan kesedihan Roszita Ahmad, 48, setelah gagal mengeluarkan wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membiayai kos pembedahan jantung suaminya, Ahmad Nazri Ibrahim, 47.

"Kami ada duit sendiri dalam KWSP tetapi bayangkan usaha saya sejak 22 November hingga 28 Disember tahun lalu musnah gara-gara peraturan yang dikeluarkan mereka.

"Memang kematian itu takdir Ilahi tetapi mereka seolah-olah tidak bertolak ansur dengan nasib yang ...



ROSZITA

KWSP guna budi bicara

KERATAN Kosmo! 6 Januari 2010.

... naman bagi membiayai pembedahan jantung arwah suaminya itu sehingga terpaksa ditangguhkan.

Jenazah Ahmad Nazri selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Tanjong Tokong, semalam.

Pada 1 Januari lalu, Kosmo! melaporkan kekecewaan Roszita terhadap pejabat KWSP Pulau Pinang ...

... caruman Roszita dan arwah suaminya telah diluluskan selepas pihaknya membuat tindakan susulan.

Jelasnya, kesulitan mendapatkan rawatan juga berjaya diselesaikan setelah KWSP berbincang dengan pihak Hospital Pulau Pinang termasuk menghubungi pembekal per... ...mbedahan jantung ar...

...k KWSP, saya turut ...tas berita ini dan me... ...kziah kepada keluarga ... Ahmad Nazri," jelas... ...Kosmo!

Harian Metro

Setempat | 22 ...

Angkara berebut buku

# 'Cikgu bagi penampar'

Tulang hidung murid retak, pemafasan tersekat

>>Oleh Zainuddin Zain



# Mangsa dakwa terlantar 2 hari tanpa rawatan

Pekerja hotel terpaksa tahan sakit selepas dimasukkan ke unit kecemasan HKL



# Pahit manis 'diurus' penjawat awam

UM, SELASA 2 FEB, 10

DALAM usaha Perdana Menteri meningkatkan semangat berbudi bahasa dan tingkah laku di kalangan penjawat awam, saya amat terkilan kerana ada segelintir kakitangan yang berasa bangga dan riak dalam perkhidmatan mereka.

Ini terjadi sendiri kepada saya dan ibu saya yang berusia 63 tahun semasa kami ke sebuah pejabat kerajaan yang tersergam indah di Putrajaya.

Kami ke pejabat itu untuk membuat aduan dan semasa sampai di sana kami telah disuruh ke tingkat 3 iaitu pejabat penguat kuasa.

Saya pun ke tingkat 3 pejabat itu dan ingin berjumpa dengan pegawai yang dimaksudkan.

Lebih kurang setengah jam menunggu tiada pegawai yang melayan kami dan saya telah bertanya kepada seorang pegawai di situ.

Alangkah terkejutnya apabila dia menyatakan: "Puan, kan saya dah cakap pegawai itu menyuarat. Kalau puan nak tunggu, tunggulah. Kalau tidak puan balik dan datang esok".

Saya bertanya bagaimana saya hendak membuat aduan sedangkan saya datang dari jauh dan saya tidak boleh datang esok kerana menaiki teksi.

Sekali lagi dia bercakap pada saya: "Puan nak tunggu, puan tunggulah kalau tidak, pergi ke pejabat cawangan saja. Kami ini ibu pejabat, aduan yang remeh-temeh kami tak ambil".

Hampa saya pada hari itu kerana seorang kakitangan kerajaan yang masih muda sanggup bercakap begitu.

Akhirnya saya ke pejabat cawangan di Kajang dan saya rasa itu sajalah yang paling hampir. Saya sampai di pejabat tersebut dan masih dalam keadaan takut akan dilakukan seperti tadi.

Bila tiba di kaunter tersebut, saya dan ibu saya telah dilayan dengan begitu mesra. Saya telah disuruh menunggu untuk berjumpa dengan pegawai di situ. Alangkah terkejutnya saya apabila pegawai yang saya jumpa itu sungguh berhemah dan berbudi bahasa.

Dari segi percakapan dan senyuman tak lekang dari bibir. Terfikir saya alangkah bagus jika semua kakitangan kerajaan seperti itu.

Setelah selesai, saya dan ibu saya pun beredar dari pejabat itu pada waktu yang sama kakitangan kerajaan pulang. Semasa saya menunggu di bawah pejabat itu, pegawai tadi telah menyapa saya dan menyatakan bahawa di sini susah mendapatkan teksi. Beliau bertanyakan arah tuju saya dan saya menyatakan ingin pulang ke Bandar Baru Bangi.

Tanpa disangka dia mengajak saya dan ibu saya menumpangnya kerana dia menyatakan ingin pulang ke Putrajaya.

Sepanjang perjalanan beliau tidak lekang dengan senyuman dan begitu ramah melayan kami sehingga kami selamat sampai di rumah.

WANITA KELIRU
Bandar Baru Bangi

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# Layanan kurang mesra: Pengadu minta jabatan pantau kakitangan



**ACTION LINE**

# ii. Masalah Disiplin dan Etika Anggota Perkhidmatan Awam

BH 16/6/06

# Ada kakitangan ponteng 3 tahun

KOTA KINABALU: Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Tan Sri Subhan Jasmon semalam mendedahkan ada anggota perkhidmatan awam di kementeriannya yang ponteng tugas sehingga tiga tahun tanpa dikenakan tindakan.

"Peliknya, kakitangan ini tetap mendapat gaji. Apa yang membuatkan saya naik marah dan geram, saya langsung tidak dimaklumkan mengenainya sehinggalah baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Kementerian Pertahanan (Kementah) cawangan Sabah di Kem Lok Kawi, dekat sini, semalam.

Subhan berkata berikutan kes seperti itu, pihaknya sudah mengarahkan semua Pengarah Kementah serta Panglima Briged di setiap negeri memberi perhatian terhadap displin anggota perkhidmatan awam di tempat masing-masing.

Katanya, masalah ponteng atau tidak datang bertugas dikenal pasti sebagai masalah displin paling banyak direkodkan kementeriannya sejak beberapa tahun lalu.

Tahun lalu saja, katanya, sebanyak 60 kes direkodkan manakala setahun sebelum itu sebanyak 76 kes.

"Daripada 60 kes yang direkodkan pada 2005, sebanyak 10 kakitangan sudah dibuang kerja.

"Kita ada 14,000 anggota perkhidmatan awam bertugas di kementerian di seluruh negara. Jika dibandingkan dengan 60 kes tahun lalu dan 76 pada 2004, ia masih besar dan saya tidak berpuas hati," katanya.

Subhan berkata kes `selalu lesap' tanpa dikesan ketika bertugas juga banyak direkodkan berlaku membabitkan anggota perkhidmatan awam di kementeriannya.

"Mereka ini selalunya datang jam 8 pagi dan setengah jam selepas itu terus lesap tanpa sesiapa mengetahuinya termasuk ketua mereka," katanya.

BERITA HARIAN 16/6/06 KALAM/SUMAAT

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# PENJAWAT AWAM TIPU SIJIL SAKIT

BH SELASA 25 MEI 2010

## 45,000 kakitangan awam tipu sijil cuti sakit

PUTRAJAYA: Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) semalam mendedahkan kira-kira 45,000 atau tiga peratus daripada 1.5 juta kakitangan awam menggunakan sijil cuti sakit palsu untuk ponteng kerja.

Presidennya, Omar Osman, berkata ada juga segelintir kakitangan awam mengambil cuti sakit kerana melakukan kerja sampingan.

"Kita tidak menghalang mencari pendapatan tambahan, tetapi biarlah kerja sampingan itu tidak mengganggu tugas hingga menjejaskan produktiviti," katanya ketika ditemui selepas kunjungan hormat ke atas Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Solah Mat Hassan di sini, semalam.

Sehubungan itu, beliau mahu perbuatan itu dipantau bagi mengelak ia bertambah kronik.

Omar berkata, berdasarkan Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), kakitangan yang didapati menggunakan sijil cuti sakit palsu, boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti turun pangkat atau dibuang kerja.

"Kita menyarankan Panel dan Pegawai Perubatan supaya memberi sijil cuti sakit kepada mereka yang betul-betul memerlukannya," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam, berkata setakat ini pihaknya tidak menerima laporan daripada mana-mana jabatan mengenai peratus kakitangan yang menggunakan sijil cuti sakit palsu.

"Kita ada menghantar surat kepada jabatan untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap kakitangan yang menggunakan sijil cuti sakit palsu," katanya kepada *Berita Harian*.

Ahmad Maarop, Datuk Hashim Yusoff negara.

# Ibu bertongkat dimaki kakitangan hospital

JABATAN Kesihatan sedang meneliti aduan daripada seorang penduduk Luyang tentang perkhidmatan tidak memuaskan yang dia dan ibunya alami di Hospital Queen Elizabeth II.

SYL berkata ibunya, yang menggunakan tongkat, hampir dilanggar oleh salah seorang kakitangan institusi itu semasa mereka memasuki lif.

"Nasib baik, saya berjaya memegangnya sebelum dia terjatuh. Dia sepatutnya memohon maaf tetapi kakitangan itu yang sedang bertelefon semasa dia melanggar ibu saya, sebaliknya berteriak ke arah kami," katanya.

"Dia memaki hamun kami sepanjang lif bergerak ke tingkat yang kami tuju.

"Apabila saya mengatakan yang dia harus memohon maaf atas sikapnya yang kurang ajar,

Jelasnya, dia menemani ibunya untuk pemeriksaan kesihatan.

"Ibu saya menjalani pembedahan di salah satu lututnya pada Ogos tahun lalu. Dia adalah bekas penghidap strok dengan pergerakan terbatas.

"Dia bergantung dengan tongkatnya untuk bergerak dan malahan dia hanya boleh berjalan dalam langkah kecil."

Syl berkata, dia telah menghantar surat kepada pihak pentadbiran Hospital mengenai apa yang berlaku, dan memberikan masa dan waktu kejadian.

"Setakat ini, saya masih belum menerima jawapan rasmi untuk surat saya."

Dia memberikan Hotline salinan suratnya itu. Dokumen ini dikemukakan kepada Jabatan terse-

# Doktor miliki dadah kena 4 tahun, denda

## Terlepas hukuman gantung kerana mengaku pertuduhan pindaan

Oleh Nurashiqin Omar

KUANTAN: Seorang doktor dijatuhkan hukuman penjara empat tahun dan denda RM20,000 oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam kerana memiliki 150.38 gram dadah jenis dihydrocodeine.

Dr Allwee Idris dijatuhkan hukuman itu selepas mengaku bersalah terhadap tuduhan pindahan, iaitu memiliki bahan larangan berkenaan mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Abdul Halim Aman, mengarahkan hukuman ke atas Dr Allwee bermula dari tarikh dia ditangkap.

Sebelum ini, Dr Allwee menghadapi tiga tuduhan mengedar dadah jenis kodein dan dihydrocodeine yang boleh membawa hukuman mandatori gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Rosli Mohd Sham menawarkan pertuduhan pindaan terhadapnya.

Abdul Halim ketika membacakan penghakimannya berkata, Dr Allwee bernasib baik kerana terlepas daripada hukuman mandatori gantung sampai mati dan diganti dengan hukuman yang jauh lebih ringan.

"Sebagai seorang pengamal perubatan, anda seharusnya lebih bertanggungjawab dan mematuhi Kod Etika Perubatan yang menjadi pegangan setiap individu yang terbabit dalam bidang ini.

"Saya harap kamu akan mendapat pengajaran daripada hukuman ini dan tidak lagi terbabit dalam gejala membabitkan penyalahgunaan dadah ini," katanya.

Tuduhan asal pertama, Dr Allwee didakwa mengedar 9.22 gram dadah jenis kodein di tempat letak kereta Kompleks Teruntum di sini, tuduhan kedua mengedar 77.65 gram dadah jenis yang sama di rumahnya serta mengedar 150.38 gram dadah jenis dihydrocodeine di rumahnya sebagai tuduhan ketiga.

Mengikut fakta kes, Dr Allwee ditangkap di rumahnya jam 2.45 petang, 6 Oktober 2004 dan polis menemui 15 botol putih berpenutup kuning yang mengandungi 500 biji dihydrocodeine dalam setiap botol menjadikan semuanya 7,500 biji dadah berkenaan.

Dr Allwee yang memakai kemeja-T biru, berseluar hitam dan berselipar kelihatan tenang di dalam kandang pesalah ketika Abdul Halim menjatuhkan hukuman terhadapnya.



NORSIN ABDULLAH | BERITA HARIAN

**DIHUKUM PENJARA:** Dr Allwee dibawa keluar dari Mahkamah Tinggi Kuantan selepas dihukum 4 tahun penjara dan denda RM20,000, semalam.

BERITA HARIAN 15 MAC 2006 RABU



Harian Metro

# Julang bayi macam piala

BY AGENSI
9 APR 2016 06:53

Mexico City: Tiga doktor yang gambar mereka dirakam dengan seorang menjulang bayi yang baru lahir kini diburu pihak berkuasa selepas gambar itu dimuat naik ke Facebook.

Kakitangan itu yang dipercayai pakar sakit puan, pakar bius dan pakar kanak-kanak terbabit membantu seorang wanita melahirkan anak di sebuah hospital di Mexico.

Mereka kemudian bergambar dengan seorang daripada mereka meletakkan bayi baru lahir itu pada bahu rakannya sambil semuanya tersenyum.

Kementerian Kesihatan Mexico mengesahkan, ia sudah melancarkan siasatan dan mungkin mengambil tindakan disiplin ke atas mereka.

Gambar itu dimuat naik oleh pengguna Facebook, Ramon Villegas dengan kapsyen: "Doktor tidak profesional. Ketika ada suami bimbang mengenai isteri dan bayinya, petugas hospital bertindak tidak profesional dan tidak beretika."

SPONSORED

Villegas turut menggesa pengguna lain berkongsi gambar berkenaan dalam usaha untuk mengenal pasti mereka yang terbabit.

© 2015. NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BERHAD (4485-H). All rights reserved.

[Berita Terkini](#) :

# Doktor malas disaran berhenti

Oleh Ahmad Syahrul Derauh

PORT DICKSON: Pegawai perubatan atau doktor di pusat perubatan awam di negara ini diminta agar berhenti daripada berkhidmat dengan kerajaan sekiranya masih mempunyai sikap enggan diganggu untuk bertugas secara 'on call'.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek, berkata walaupun bebanan yang ditanggung pegawai perubatan atau doktor adalah tinggi, tetapi mereka perlulah mempunyai sikap bertanggungjawab dan tanpa memberi alasan dengan mengenepikan kepentingan masyarakat.

"Semua pegawai perubatan dari doktor residen sehingga pakar perlu ke hospital jika khidmat

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# Pemandu ambulans digantung tugas

**KUANTAN** – Tiga kakitangan sebuah hospital di Pahang termasuk seorang pemandu ambulans digantung tugas sementara bagi membantu siasatan apabila sebuah ambulans menggunakan laluan bertentangan untuk mengambil pesakit di Lebuhraya Pantai Timur (LPT), kelmarin.

Kejadian yang berlaku kira-kira jam 1.30 petang itu mendapat perhatian ramai apabila ia mula dimuatnaik ke laman sosial dan menjadi viral melalui pelbagai aplikasi media.

Ambulans tersebut dikatakan dalam perjalanan mengambil pesakit di Lebuh Raya Pantai Timur, bagaimanapun menggunakan laluan lorong laju dari arah bertentangan.

Pengarah Kesihatan Pahang, Dr. Zainal Ariifin Omar berkata, Jabatan Kesihatan mendapati kejadian tersebut sememangnya berlaku dan kini pemandu bersama dua kakitangan hospital yang turut berada dalam ambulans tersebut digantung tugas sementara untuk siasatan awal.

"Pemandu itu mungkin mempunyai sebab tersendiri kenapa dia menggunakan laluan itu, bagaimanapun dia perlu mengikut prosedur operasi standard (SOP) kementerian semasa menjalankan tugas.

"Oleh itu, siasatan akan dilakukan bagi mengetahui punca sebenar kejadian ini berlaku agar ia tidak berulang kembali," katanya.



**Ambulans yang dipandu menggunakan laluan bertentangan, kelmarin.**

Sehubungan itu, beliau berharap agar perkara sebegini tidak berlaku dan mahu penambahbaikan perkhidmatan jabatan kesihatan untuk orang ramai.

Sementara itu, menurut mangsa yang telah memuatnaik statusnya di laman sosial tersebut, dia hampir sahaja mengalami kemalangan ngeri gara-gara mengelak bertembung dengan ambulans tersebut dengan menekan brek kecemasan dan kereta berpusing.

Mangsa turut mendakwa ambulans tersebut tidak membunyikan siren pada masa kejadian menyebabkan pemandu laluan tersebut tidak menyedari kehadiran ambulans dari arah bertentangan di lorong laju.



INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity




INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
*The Malaysian Institute of Integrity*

"In looking for people to hire, you look for three qualities: **integrity, intelligence,** and **energy.** And if they don't have the first, the other two will kill you."

(Warren Buffett)
CEO, Berkshire Hathaway



INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
*The Malaysian Institute of Integrity*

Harian Metro, RABU 21 NOV 2012 | Global

# Drebar teksi pulangkan RM2.7j

## Pasangan pelancong Thai tertinggal wang itu di tempat duduk penumpang belakang

BERITA SERUMPUN

SINGAPURA: Seorang pemandu teksi warga tempatan diumumkan sebagai wira selepas dia memulangkan wang tunai Sg$1.1 juta (RM2.74 juta) kepada pasangan pelancong Thai yang tertinggal wang itu dalam teksinya.

Sia Ka Tian, 70, terkejut apabila menemui wang dalam beg kertas hitam di tempat duduk penumpang belakang semalam selepas dia menurunkan pasangan itu di sebuah pusat beli-belah.

"Bila saya lihat wang itu, saya menyangka berdepan masalah. Saya pasti sekurang-kurangnya ada $200,000 (RM499,749) dalam beg itu," kata pemandu teksi veteran yang sudah memandu teksi selama 31 tahun sepertimana dipetik daripada Straits Times.



SIA terkejut temui wang dalam beg kertas hitam dalam teksinya.

Namun, bila dia membawa wang itu ke pejabat syarikat pengangkutan ComfortDelGro, rakannya yang menghitung wang itu terkejut mendapati ada RM2.74 juta dalam bentuk not kertas 1,000.

"Wang itu tidak penting buat saya. Ia bukan milik saya, jadi, bagaimana saya boleh gunakannya?," katanya kepada akhbar berkenaan.

Sia menerima ganjaran wang tunai yang tidak didedahkan jumlahnya daripada pasangan terbabit dan syarikat pengangkutan itu juga bercadang memberinya ganjaran atas kejujurannya. - ST





**Sg$1.1 juta (RM2.7 Juta)**

**Pasangan Pelancong Thai**

**Memandu Teksi selama 31 Tahun**

**ComfortDelGro**

**"WANG ITU TIDAK PENTING, IA BUKAN MILIK SAYA, JADI BAGAIMAN SAYA BOLEH GUNAKANNYA"**

**Sia Ka Tian, 70 Tahun**

# Posmen cedera dakap erat surat berdaftar

*» Kisah amanah Norlisman dapat liputan meluas akhbar 30 tahun lalu*

**Oleh Norfatimah Ahmad**
tim@bharian.com.my

▸ Kuala Lumpur

Pesara, Norlisman Abu, pernah mendapat liputan meluas akhbar tempatan 30 tahun lalu apabila beliau mendakap erat seikat surat berdaftar walaupun ketika itu cedera akibat kemalangan jalan raya.

Paparan Norlisman, 60, yang terbaring dengan kesan darah di kepala dan pipi enggan melepaskan surat berdaftar itu sebaik tiba di Hospital Kuala Lumpur (HKL) menyentuh hati pelbagai pihak termasuk Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Tun Musa Hitam.

Menyedari tanggungjawab dan sikap amanahnya wajar diteladani, *BH* menjejaki Posmen Contoh Negara itu yang bersara lima tahun lalu.

Jawatan terakhirnya sebagai Pegawai Latihan di Institut Latihan Pos Malaysia yang mengajar subjek disiplin dan motivasi kepada lebih 5,000 kerani dan posmen.

Mengimbau kejadian yang mengubah hidupnya, Norlisman berkata, ia berlaku ketika beliau dalam perjalanan menghantar surat berdaftar ke Bukit Damansara selepas keluar dengan motosikal dari Pejabat Pos Besar yang ketika itu di Bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Raja di sini.

**Motosikal terbabas**

Bagaimanapun, setiba di Jalan Parlimen berhampiran Restoran Rakyat, motosikalnya terbabas dan beliau terhumban. Dalam keadaan cedera, beliau sempat bangun dan mengambil surat berdaftar dalam beg pada motosikalnya.

Apabila polis ingin mengambil surat dalam dakapannya, beliau tetap enggan me-

kan kepada ketuanya yang dikenali sebagai Maniam pada keesokannya.

"Sebaik terjatuh, perkara pertama terlintas di fikiran adalah arahan ketua mengingatkan mengenai pentingnya seorang posmen menjaga surat yang diamanahkan terutama surat berdaftar.

"Kata ketua saya: "Kalau terjadi apa-apa pada surat berdaftar, sebelah kaki sudah ada dekat balai polis, sebelah lagi di Penjara Pudu. Maksudnya, kami boleh dikenakan tindakan tata tertib, gantung kerja, malah gaji boleh disekat hingga kes selesai disiasat," katanya.

> Kata ketua saya: "Kalau terjadi apa-apa pada surat berdaftar, **sebelah kaki sudah ada dekat balai polis, sebelah lagi di Penjara Pudu**"
>
> **Norlisman Abu**
> *Pesara posmen*



**Patuh arahan ketua**

Bagi posmen yang baru lima tahun bertugas ketika itu, katanya, peringatan ketua perlu dipandang serius, sesuai dengan sifat tegasnya dan sentiasa berpegang kepada tujuh prinsip diterapkan seorang posmen.

Mengakui insiden pada pagi hujan renyai-renyai itu banyak memahat sejarah dalam diari hidupnya, Norlisman bersyukur kerana ia memberi kesan positif kepada kerjayanya, termasuk menerima Anugerah Khidmat Cemerlang (1982), Pingat Pangkuan Negara (1984), Ahli Mangku Negara (2004), selain diberi peluang bertugas di Makkah, sekali gus menunaikan haji pada 1999.

Sebak mengenangkan perjalanan hidupnya, bapa kepada lima cahaya mata dan lima cucu itu bersyukur kerana kerjayanya itu membolehkan beliau membesarkan anaknya dan kini dapat menghabiskan masa bersama keluarga, selain aktif dengan kegiatan di Masjid Ubudiah berhampiran kediamannya di Kampung Sungai Raya, Batu 9, Cheras, Kajang, dekat sini.

**Posmen pegang amanah**

Walaupun selepas bersara, kerjaya sebagai posmen tetap subur dalam dirinya, malah beliau akan cepat melenting apabila ada berita negatif mengenai posmen dipaparkan dalam media seperti buang, sorok atau koyak surat.

Beliau juga meletakkan posmen sebagai pemegang amanah kerana setiap hari masyarakat, sama ada ibu bapa, pelajar, belia dan profesional akan menunggu kedatangan posmen kerana mengharapkan surat atau dokumen dinantikan selamat tiba.





Bagi Norlisman Abu, 42, yang ditimpa kemalangan ketika bertugas 13 tahun lalu, kesakitan yang ditanggungnya tidak mampu menandingi rasa tanggungjawabnya terhadap tugas.

## Posmen bukan sekadar pelaksana amanah



**Sempena Hari Pos Sedunia**

Hm, CHAMIC 28 FEB 2013


# KEJAR KERETA PULANG RM37,500

■ Pelajar jujur kembalikan beg tangan berisi wang ditinggalkan wanita

Oleh Haidhar Hilmi
am@hmetro.com.my
Batu Pahat

Usianya baru 13 tahun namun kejujuran dan kemurnian hati Amir Azizan Hashim mungkin jauh mengatasi orang dewasa apabila dia memulangkan semula beg tangan berisi RM37,500 (SG$15,000) milik seorang wanita warga Singapura yang tercicir.

"Saya mengayuh basikal selaju mungkin mengejar kereta dinaiki wanita itu bagi mengembalikan beg tangannya," katanya mengimbas kejadian itu yang berlaku berhampiran sebuah pasar raya di Taman Soga, di sini, awal Januari lalu.

Pelajar tingkatan satu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Syed Esa, di sini, ditemui selepas menerima sijil penghargaan atas kelakuan terpujinya itu daripada pihak sekolah, semalam.

Sijil penghargaan itu disampaikan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) SMK Dato' Syed Esa, Mohd Taat Kasran.

Amir Azizan berkata, kejadian itu berlaku kira-kira jam 10 pagi, awal Januari lalu ketika dia ke pasar raya berkenaan untuk membeli akhbar.



**"Saya nampak seorang wanita masuk ke dalam kereta manakala beg tangannya diletak di atas bumbung"**
Amir Azizan

"Saya nampak seorang wanita masuk ke dalam kereta manakala beg tangannya diletak di atas bumbung kereta.

"Saya percaya wanita berusia 30-an itu terlupa beg tangannya berada di atas bumbung kereta dan terus memandu keluar dari kawasan berkenaan," katanya.

Menurutnya, beg tangan wanita itu terjatuh sebaik kereta dipandunya bergerak dan dia mengambilnya sebelum memeriksa kandungan beg berkenaan.

"Ada sampul surat mengandungi wang tunai, pasport dan jam tangan dalam beg itu.

"Saya terus mengayuh basikal mengejar kereta itu untuk mengembalikan beg tangan miliknya. Syukur saya berjaya menahan wanita berkenaan ketika kenderaan itu berhenti di satu simpang jalan," katanya.

Menurut Amir Azizan, terharu dengan keikhlasannya mengembalikan beg itu, wanita berkenaan bukan saja mengucapkan terima kasih malah menghulurkan wang sebagai sagu hati kepadanya.

"Saya tidak menerima wang itu kerana teringat pesan ibu dan bapa yang mengingatkan saya untuk tidak menerima pemberian daripada orang tidak dikenali.

"Wanita itu bertanya beberapa maklumat diri saya, termasuk nama sekolah sebelum berlalu dan saya pulang ke rumah menceritakan kejadian kepada ibu dan bapa," katanya.

Sementara itu, Mohd Taat berkata, wanita itu menghubungi pihak sekolah beberapa hari selepas kejadian memberitahu kejujuran Amir Azizan.

"Sekolah ini bangga dengan Amir dan diharap dicontohi pelajar bukan saja di sekolah ini, tetapi sekolah lain di seluruh negara. Sebagai penghargaan, pihak sekolah menganugerahi sijil kepada Amir," katanya.





# Anak kecil curi RM50,000

■ Budak 12 tahun buka peti besi ibu bersama rakan

Oleh Zaid Salim
am@hmetro.com.my
Chukai

Tindakan seorang ibu berkongsi kod laluan peti besi dengan anak lelakinya berusia 12 tahun membawa padah apabila wangnya berjumlah RM50,000 disimpan dalam peti berkenaan lesap dipercayai dicuri kanak-kanak berkenaan.

Kehilangan wang berkenaan disedari mangsa yang berusia 32 tahun apabila mendapati peti berkenaan kosong ketika membukanya di rumah mereka di Bukit Kuang jam 10.20 pagi, Rabu lalu.

Menurut sumber, mangsa yang bekerja sebagai peniaga di pusat bandar ini mengesyaki anak lelakinya, murid tahun enam sebuah sekolah rendah terbabit dengan kehilangan wang berkenaan.

Sumber berkata, sebaik mendapati wang simpanannya lesap, mangsa segera membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kemaman.

"Polis menahan kanak-kanak terbabit pada jam 11.45 malam, Rabu lalu bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan," katanya.

Menurutnya, hasil soal siasat terhadap kanak-kanak itu, polis menahan dua lagi rakannya masing-masing berusia 13 dan 14 tahun dipercayai terbabit melakukan jenayah berkenaan.

"Dua remaja terbabit yang masih bersekolah dalam tingkatan satu dan dua ditahan di rumah keluarga masing-masing.

**FAKTA**
Kanak-kanak terbabit mengaku mencuri wang berkenaan

"Kanak-kanak terbabit mengaku mencuri wang berkenaan," katanya.

Sumber berkata, tiga pelajar terbabit direman di IPD Kemaman selama tiga hari.

Ketua Polis Daerah Kemaman Superintendan Che Suza Che Hitam ketika dihubungi, mengesahkan pihaknya ada menerima laporan kes berkenaan dan penahanan tiga pelajar berkenaan bagi membantu siasatan.

# iii. Tadbir Urus dan Pengurusan Kewangan

- Integriti
- Akauntabiliti
- Pengamanahan dan pengawasan (stewardship)
- Ketelusan

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

**Tadbir urus terbaik merangkumi:**

a) Prestasi - pengurusan pencapaian adalah kritikal untuk menyampaikan perkhidmatan secara cekap dan berkesan.

b) Pematuhan - setiap agensi mematuhi undang-undang, peraturan dan piawaian yang diguna pakai.

# 4. KESAN KEMEROSOTAN INTEGRITI



INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# KESAN KEMEROSOTAN INTEGRITI

- Sistem penyampaian perkhidmatan kurang berkesan
- Sikap penting diri sendiri
- Lain-lain unsur negatif wujud dalam individu, organisasi dan masyarakat
- Berkembang gejala **rasuah**, salahguna kuasa dan penyelewengan


INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

1. Isu Rasuah, Penyelewengan dan Salahguna Kuasa menjejaskan segala bentuk pelaksanaan kerja dalam semua aspek

- Meminta/menerima rasuah
- Memberi suapan
- Mengemukakan tuntutan palsu
- Salah guna kuasa

# KESAN NEGATIF RASUAH PALING UTAMA




**MENJEJASKAN KEMASUKAN PELABUR ASING DALAM NEGARA …**

**FDI NEGARA :**

**2007 – RM 53 Billion**

**2008 - RM62.8 Billion**

**2009 –RM24 Billion**

# KETIDAK ADILAN SOSIAL




**Zimbabwe, Somalia : corrupt nations**

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# MENINGGIKAN KOS HIDUP









INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# PENGALIRAN KELUAR MODAL



# MEMPENGARUHI DASAR PEMBANGUNAN





# MEMBOCORKAN KESELAMATAN NEGARA






INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
*The Malaysian Institute of Integrity*



*"The world has enough for everyone's needs, but never enough for even one man's greed"*

*Mahatma Gandhi*



INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity


Pegawai kastam mati di pejabat SPRM

# Sukar tidur disiasat

Tingkat 3

Tingkat 2

Tingkat 1

> "Arwah bimbang, tapi dia tak cerita secara terperinci mengenai siasatan itu, selain memberitahu sering murung dan sukar tidur," kata Ridzuan Mamat, 46, rakan karib Penolong Pengarah Kastam, Ahmad Sarbini Mohammed, 56, yang ditemui mati di bangunan SPRM Jalan Cochrane, Kuala Lumpur, pagi semalam.

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

SHARE



astro AWANI

LIKE

Malaysia

# 'Serah diri atau tunggu kami' - KP SPRM

**Datuk Dzulkifli Ahmad membuka ruang kepada pelaku rasuah untuk tampil 'menyerah diri' secara sukarela bagi memungkinkan hukuman lebih ringan**

By Bernama
14 August 2016 09:38

Hentikan rasuah dan salah guna kuasa sekarang atau bersedia berdepan tindakan tegas pasukan

SHARE

Malaysia

'Serah diri atau tunggu kami' - KP SPRM

Datuk Dzulkifli Ahmad membuka ruang kepada pelaku rasuah untuk tampil 'menyerah diri' secara sukarela bagi memungkinkan hukuman lebih ringan

By Bernama
14 August 2016 09:38

Hentikan rasuah dan salah guna kuasa sekarang atau bersedia berdepan tindakan tegas pasukan penguatkuasaan.

Itu amaran Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang baharu, Datuk Dzulkifli Ahmad, 48, yang sekali gus turut membuka ruang kepada pelaku rasuah untuk tampil 'menyerah diri' secara sukarela bagi memungkinkan hukuman lebih ringan dipertimbangkan terhadap mereka.

"Datang sekarang, ini peluang yang saya buka, datang bila-bila masa sebelum diambil tindakan. Kalau sudah diambil tindakan baru nak jumpa kami, tak payahlah. Kalau dah rasa 'panas', datanglah.

# Rasuah: Pengurus TNB Kelantan direman

ADILA SHARINNI WAHID | 16 Ogos 2016

Like 5 Tweet



Suspek (tengah) ketika diiring di mahkamah hari ini. - Foto Sinar Harian



KOTA BHARU - Seorang pengurus Tenaga Nasional Berhad (TNB) Cawangan di Kelantan ditahan reman tujuh hari bermula hari ini sehingga 22 Ogos bagi membantu siasatan kes rasuah.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan oleh Majistret, Ahmad 'Adha 'Amir Yaseer Amri.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17(a) dan 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Terdahulu, suspek berusia 47 tahun tiba jam 9 pagi di mahkamah majistret, di sini, dengan memakai t-shirt biru dan menutup kepala dengan tuala.

Semalam, suspek ditahan di pejabatnya pada jam 2.30 petang menerusi operasi serentak dijalankan SPRM.

Operasi turut dijalankan di Melaka dan Putrajaya menahan dua suspek lain yang juga penjawat awam dengan seorang daripadanya bergelar Datuk dan Datuk Sri.





85% 09:20
Jenayah - Utusan Online
m.utusan.com.my
SHARE
Utusan ONLINE



**KOTA KINABALU 5 Okt. - Kedua-duanya bukanlah ahli perniagaan atau terlibat dalam kegiatan judi haram mahupun kartel dadah, sebaliknya mereka hanyalah penjawat awam tetapi seorang memiliki wang tunai RM45 juta manakala seorang lagi RM7 juta.**

Itulah yang berjaya dibongkar oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil penahanan empat orang suspek termasuk seorang pengarah dan timbalan pengarah sebuah agensi kerajaan di sini.

85% 09:20
Jenayah - Utusan Online
m.utusan.com.my
SHARE
Utusan ONLINE

Kesemua mereka dipercayai terlibat dalam kes menyeleweng dan menyalah guna dana kerajaan Persekutuan untuk projek infrastruktur bekalan air di Sabah sejak enam tahun lalu.

Selain wang tunai RM52 juta termasuk pelbagai mata wang asing bernilai RM8.3 juta milik kedua-dua penjawat awam berkenaan, turut memiliki koleksi barang kemas seperti berlian, batu permata, cincin, rantai, gelang dan subang yang bernilai jutaan ringgit; 92 beg tangan berjenama yang setiap satu dianggarkan bernilai ribuan ringgit serta 127 geran tanah di Sabah atas nama salah seorang suspek.

Ketika mengulas kejayaan operasi tersebut, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki yang menyifatkannya sebagai luar biasa berkata, kesemua suspek dipercayai telah mengumpul kekayaan sekurang-kurangnya sebanyak RM112 juta hasil perbuatan tersebut.

Utusan ONLINE

# Rasuah penjawat awam: Suspek pindah RM30 juta ke luar negara

RODELIO JUNJUN TAUCAN
10 Oktober 2016 7:15 PM



**KOTA KINABALU 10 Okt. - Pengarah dan timbalan pengarah agensi kerajaan yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menyalah guna dana infrastruktur asas daripada**

98% 00:45
Jenayah - Utusan Online
m.utusan.com.my
SHARE
Utusan ONLINE
**ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menyalah guna dana infrastruktur asas daripada** **kerajaan Pusat didapati telah memindahkan sebanyak RM30 juta wang ke dalam beberapa akaun bank milik mereka di tiga negara.**

Menurut sumber, RM29 juta daripada wang itu adalah milik timbalan pengarah manakala RM1 juta dimiliki oleh pengarah berkenaan.

Sumber tersebut berkata, penilaian terhadap kesemua 127 geran tanah yang dirampas daripada timbalan pengarah itu oleh Jabatan Tanah dan Ukur pada hari ini pula mendapati nilai keseluruhannya adalah RM30 juta.

"Setakat ini SPRM telah merakam percakapan 40 individu berhubung kes tersebut," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Jumlah RM60 juta nilai terbaharu aset itu menjadikan nilai keseluruhan aset termasuk wang tunai yang dirampas daripada kedua-dua suspek setakat ini adalah RM174.5 juta. - UTUSAN ONLINE



Harian Metro

# Tahan 19 kakitangan, rampas RM2.4 juta

BY ARDYHANSAH AMAT
20 OCTOBER 2016 13:17

Kota Kinabalu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merampas wang tunai sebanyak RM2.4 juta daripada beberapa individu dipercayai terbabit dalam kes rasuah membabitkan projek infrastruktur bernilai RM3.3 bilion, di sini, semalam.

Difahamkan, rampasan itu dilakukan sejurus selepas penahanan 19 kakitangan Jabatan Air Sabah di peringkat bahagian dan daerah bagi membantu siasatan.



Menurut sumber, semua individu yang ditahan itu adalah jurutera dan ketua di peringkat bahagian serta daerah membabitkan 27 lokasi di seluruh Sabah.

"Semua individu itu dipercayai melakukan kutipan 27 hingga 30 peratus daripada nilai setiap projek yang diberikan kepada kontraktor.

"Selain itu, SPRM turut merampas pelbagai dokumen perolehan dalam usaha mengumpul bukti," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM Datuk Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan perkara itu namun enggan mengulas lanjut mengenainya.

---

© 2015. NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BERHAD (4485-H). All rights reserved.



**PUTRAJAYA, 6 Okt:** Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa menggesa agar mana-mana pihak yang mengetahui mengenai penjawat awam yang dilihat hidup terlalu mewah supaya melaporkannya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Dalam masa yang sama, beliau turut menasihatkan kepada ahli keluarga penjawat awam agar memainkan peranan dengan menasihati individu berkenaan untuk kembali bertaubat.

34% 00:15
Kalau Nampak Penjawat... SHARE
www.siakapkeli.my
Bacaan
Bacaan Hangat Terkini Viral

"**Saya rasa gaji penjawat awam adalah lumayan dan cukup untuk hidup dalam kesederhanaan tetapi bukanlah dalam kemewahan. Jadi kalau nampak golongan yang terlalu mewah tu, tolonglah sama ada lapor SPRM atau keluarga nasihatlah sikit supaya bertaubat,**" katanya sebagaimana lapor Astro Awani.

Selain itu, beliau juga turut menggalakkan supaya SPRM memburu mereka yang melakukan kesalahan rasuah.

"**Kita ada 1.6 juta penjawat awam, dan ada kira-kira 30 individu disiasat, ia merosakkan nama penjawat Awam. Jadi saya galakkan lagi SPRM untuk cari mereka yang merosakkan nama penjawat awam,**" ujar beliau.

Justeru, beliau mengingatkan penjawat awam agar menjalankan tugas dengan penuh integriti. - **Siakapkeli.my**

GRITI
ITI MALAYSIA
tute of Integrity

Dapatkan BH Plus. Langgan Sekarang.

BH ONLINE

# Jangan anggap semua penjawat awam terbabit rasuah

AHAD, 9 OKTOBER 2016 - 7:55PM

Tweet
Suka Kongsi 8.3 K
G+1 5.9k



*KETUA Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa. - Foto Surianie Mohd Hanif*

48% 19:04
Jangan anggap semua p...
www.bharian.com.my
SHARE
Dapatkan BH Plus. Langgan Sekarang.
BH ONLINE
KETUA Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa. - Foto Surianie Mohd Hanif

PUTRAJAYA: Masyarakat tidak sepatutnya menganggap semua 1.61 juta penjawat awam terlibat dengan kegiatan rasuah hanya kerana tindakan segelintir individu, kata Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Merujuk kepada penahanan seorang pengarah dan timbalan pengarah sebuah agensi kerajaan di Sabah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baru-baru ini, beliau berkata ia adalah kes terpencil dan hampir semua penjawat yang lain mempunyai integriti.

Katanya, kerajaan sentiasa mengadakan program untuk meningkatkan integriti pegawai sejak mereka dilantik dalam perkhidmatan dan sentiasa diberikan peringatan sama ada di peringkat atasan mahupun gred yang paling rendah.

47% 19:04

Jangan anggap semua p...
www.bharian.com.my
SHARE

Dapatkan BH Plus. *Langgan Sekarang*.

BH ONLINE

"Kita ada 1.61 juta penjawat awam yang hampir semuanya adalah pegawai berintegriti, janganlah kita samakan tangkapan ini sebagai implikasi keseluruhan kepada penjawat awam," katanya kepada pemberita pada Seminar Pendidikan Generasi Muda: Teknik-teknik Menjawab Soalan Peperiksaan, di sini hari ini.

Pada Rabu lepas, SPRM merampas RM114.5 juta daripada dua pegawai kanan sebuah agensi kerajaan yang didakwa menyalahgunakan kuasa membabitkan projek infrastruktur bernilai RM3.3 bilion di Sabah, yang merupakan kes terbesar dalam sejarah SPRM.

Mengulas mengenai seminar anjuran Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam (Puspanita) itu, Ali berkata seminar itu melibatkan 350 pelajar dari sekitar Putrajaya yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

47% 19:05

Jangan anggap semua p...
www.bharian.com.my
SHARE

Dapatkan BH Plus. *Langgan Sekarang*.

BH ONLINE

Generasi Muda: Teknik-teknik Menjawab Soalan Peperiksaan, di sini hari ini.

Pada Rabu lepas, SPRM merampas RM114.5 juta daripada dua pegawai kanan sebuah agensi kerajaan yang didakwa menyalahgunakan kuasa membabitkan projek infrastruktur bernilai RM3.3 bilion di Sabah, yang merupakan kes terbesar dalam sejarah SPRM.

Mengulas mengenai seminar anjuran Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam (Puspanita) itu, Ali berkata seminar itu melibatkan 350 pelajar dari sekitar Putrajaya yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pada majlis itu, Puspanita turut menyampaikan sumbangan RM2,000 setiap sebuah sekolah kepada 25 sekolah di sini untuk membeli peralatan sukan, sempena Hari Sukan Negara 2016 yang disambut semalam. - BERNAMA



BH ONLINE

# Dua OCPD di Melaka direman

BY OLEH IRWAN SHAFRIZAN ISMAIL
17 MAY 2017 16:24

PUTRAJAYA: Dua ketua polis daerah (OCPD) dan seorang pegawai polis kontinjen negeri (IPK) Melaka direman enam hari, petang ini.

Mereka yang berusia antara 46 hingga 54 tahun, direman bermula hari ini hingga 22 Mei bagi membolehkan siasatan rasuah membabitkan kegiatan mengutip wang daripada pengusaha pusat judi haram dan rumah urut di beberapa lokasi sekitar Melaka.

SHARE

Difahamkan, dua OCPD terbabit dari Melaka Tengah dan Jasin. Mereka ditahan pagi tadi.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Muhamad Safuan Azhar selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Terdahulu mahkamah sama pagi tadi mengeluarkan perintah reman bagi kes sama terhadap tiga pegawai polis dan tiga orang awam selepas mereka ditahan di sekitar Melaka semalam.

Semua suspek disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(B) dan 17(a) Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

© 2015. NEW STRAITS TIMES PRESS (M)

# APA PANDANGAN AGAMA

## TERHADAP RASUAH ?

**TIDAK ADA SATU PUN AGAMA DI DUNIA INI**

**MENGHALALKAN PERBUATAN RASUAH**

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# Hukum Islam

وَلَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ وَتُدْلُوا۟ بِهَآ إِلَى ٱلْحُكَّامِ
لِتَأْكُلُوا۟ فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَٰلِ ٱلنَّاسِ بِٱلْإِثْمِ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

**"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)."**

**(Surah Al Baqarah Ayat 188)**

**"Dikutuk (dilaknat oleh Allah) orang yang memberi dan menerima sogokan (rasuah) dalam hukum."**

**Riwayat Imam At-Tarmizi**

# Christian

***Jesus said to tax collectors,***
***"Collect no more than the amount prescribed for you."***

*(Yesus berkata kepada pemungut cukai, "Kumpul tidak lebih daripada amaun yang ditetapkan untuk anda." )*

***And to soldiers***
***"Do not extort money from anyone … be satisfied with your wages."***

**Dan untuk tentera**
**"Jangan memeras wang daripada sesiapa ... berpuas hati dengan gaji anda."**

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# The teachings of Buddha –

## About – 585 CE

"If an important minister neglects his duties, works for his duties, works for his own profit or accepts bribes, it will cause a rapid decay of public morals. People will cheat one another … take advantage of the poor, and there will be no justice for anyone."

Jika seorang menteri penting mengabaikan tugas-tugasnya, tugas beliau, bekerja untuk mendapatkan keuntungan sendiri atau menerima rasuah, ia akan menyebabkan kerosakan moral awam yang berleluasa. Orang akan menipu satu sama lain ... mengambil kesempatan daripada orang miskin, dan tidak akan ada keadilan untuk sesiapa sahaja. "



INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# Hindu Writings

Men who are appointed by king to protect his subjects generally become hypocrites who take the property of others, and he must protect those subjects from them. The king should banish and confiscate all the property of those evil-minded men who take the money from parties to lawsuits.

Lelaki yang dilantik oleh raja untuk melindungi rakyatnya, umumnya menjadi orang-orang munafik yang mengambil harta orang lain, dan dia sepatutnya (mesti) melindunginya daripada mereka. Raja seharusnya mengusir dan merampas semua harta orang-orang jahat yang hanya tahu (berfikiran) mengambil wang dari pihak lain untuk tindakan undang-undang



INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# 5. USAHA PEMANTAPAN INTEGRITI PENJAWAT AWAM

# USAHA PEMANTAPAN INTEGRITI PENJAWAT AWAM

- Penubuhan Institusi-institusi
- Penerapan Budaya
- Penggunaan Teknologi
- Arahan Pentadbiran Dan Pekeliling

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

## Penubuhan Institusi

- INTAN (1959)
- BPR (1967)/ SPRM (2009)
- BPA (1971)
- JAN
- MAMPU (1977)
- IIM (2004)
- EAIC (2010)

## Program Pembudayaan

- Etika Kerja (1981)
- Pandang ke Timur (1982)
- Penerapan Nilai Islam (1985)
- Budaya Kerja Cemerlang (1989)
- Persyarikatan Malaysia (1991)
- Tonggak 12 (1992)
- Program Nilai (2000)
- Pelan Integriti Nasional (2004)
- Pejabat Perkhidmatan Pelanggan (2005)
- KPI (2005)
- CeIO (2011)
- AKRAB (2005)
- Program pementoran

# INISIATIF PEMANTAPAN BUDAYA INTEGRITI

## ICT

- Aplikasi MSC
- Projek EG
  - HRMIS, ePerolehan, eKL

## Pentadbiran



- NKRA
- NBOS (Strategi Lautan Biru)
- JKKMKPK
- Menteri Integriti
- JITU
- BITU (Bahagian Integriti & Tadbir Urus)
- Unit Integriti 746 (2013-2014)
- Lebih 34 PKPA (sejak 1991 sehingga kini)

# ANTARA INISATIF KERAJAAN MEMERANGI RASUAH

**Penubuhan SPRM**
- ✓ Sebagai badan bebas 2009
- ✓ Whistleblower Protection Act
- ✓ Name & Shame
- ✓ Portal Myprocument
- ✓ Garis panduan surat sokongan



**Kes-kes berprofail tinggi Seperti PKFZ, Iskandar Investment Bhd**

**Pelaksanaan NKRA**




**Pelaksanaan:**
- Integrity Pacts (2010)- awam
- Integrity Pledge –swasta
- 512 Institusi & syarikat (2011-2014)



**Penubuhan 746 Unit Integriti di Kementerian, Jabatan & agensi Pemantapan Unit Pematuhan di PDRM, Imegresen, JPJ, Kastam & SPRM (2013-2014)**



**RMK10 (2011-2015) Penubuhan 14 Mahkamah Syesen Khas & percepatkan perbicaraan kes rasuah (drpd 34% kpd 80%)**

# 6. INTEGRITI DAN KECEMERLANGAN

# INTEGRITI DAN KECEMERLANGAN

1. Menjalankan tugas dengan berintegriti akan menghasilkan tugasan yang berkualiti dan memuaskan hati pelanggan.
2. Tugas dilaksanakan dengan cepat dan cekap.
3. Perkhidmatan disampaikan kepada pelanggan dengan berhemah dan bersopan santun serta bijaksana.

INTEGRITI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA The Malaysian Institute of Integrity

# Empat Keutamaan Perkhidmatan Cemerlang;

1. Cekap *(efficient)* dengan sistem dan prosedur terkini dan kakitangan yang kompeten
2. Tepat *(accurate)* seperti yang diharapkan.
3. Cepat *(fast)* keputusan/tindakan cepat dengan proses yang singkat.
4. Harga munasabah *(cost efficient)*; harga berpatutan dan munasabah

..dan semua tindakan mestilah berlandaskan integriti.

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity



Kecemerlangan adalah satu kesenian yang dimenangi dengan latihan dan kebiasaan.

(Aristotle)

# KENAPA "INTEGRITI" SANGAT PENTING ??

- PERLU DIJAGA
- PERLU DIPERTAHANKAN
- PERLU DIPELIHARA
- PERLU DIJIWAI
- PERLU DIAMALKAN
- PERLU DISEBARLUASKAN



# **Bila** masa perlu bertindak integriti?

## Opis / Rumah / Komuniti !

## Di mana-mana?




INSTITUT INTEGRITI
The Malaysian Institute of Integrity

# Di mana integriti itu perlu cari?

**Hati / Jiwa!**

**Al-Quran / Hadis**

**Bacaan Ilmiah**

**Role Model?**

**Sistem (SOP……**




INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# Siapa yang harus membudayakan integriti?

**Diri Kita!**

**Famili?**




INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# Bagaimana nak membudayakan integriti?

## Kepimpinan & Tindakan!

## Pelbagai Mekanisme Pendekatan




INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# 7. SEMAKAN INTEGRITI
# (Integrity Check)

# SEMAKAN INTEGRITI

| | |
|---|---|
| **Sebelum membuat keputusan/tindakan pastikan :** | |
| √ | Tidak bercanggah dengan perundangan Negara |
| √ | Tidak bercanggah dengan peraturan/dasar organisasi |
| √ | Tidak bercanggah kepentingan (conflict of interest) |
| **Mengekalkan integriti dengan sentiasa :** | |
| √ | Tidak menerima hadiah/faedah |
| √ | Tidak bias |
| √ | Melaporkan tawaran rasuah |
| √ | Keputusan adil |
| √ | Menghormati kepelbagaian budaya/agama |

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# 8. PERANAN PENJAWAT AWAM

# PERANAN PENJAWAT AWAM

## Petunjuk

وَلۡتَكُن مِّنكُمۡ أُمَّةٞ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلۡخَيۡرِ وَيَأۡمُرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ
ٱلۡمُنكَرِۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ١٠٤

***Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang-orang yang berjaya.***

*(Ali Imran : 104)*

# AGEN PERUBAHAN

- Berani
- Berpengetahuan terkini
- Kreatif
- Inovatif
- Pro aktif
- Pendengar yang baik
- Bersedia menghadapi risiko
- Bertanggungjawab .

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity



**' INTEGRITY WITHOUT KNOWLEDGE IS WEAK AND USELESS, and**

**KNOWLEDGE WITHOUT INTEGRITY IS DANGEROUS AND DREADFUL'**

SAMUEL JOHNSON ( 18 Sept 1709 ~13 Dec 1784)
in Rasselan ch.41

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# RUMUSAN

**Integriti** bermula dari diri sendiri

**Integriti** tanggungjawab bersama

**Integriti** asas kecemerlangan

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

# HARAPAN Kepada Penjawat Awam



Pewaris Kepimpinan Negara

Penggerak Ekonomi






Agen Perubahan

Pencipta Ilmu & Teknologi





Agen Perpaduan

Modal Insan Untuk Sektor Awam & Swasta



# Akhir Kata

- INTEGRITI dibudayakan
- NILAI MURNI diamalkan
- RASUAH dihapuskan
- AMANAH dilaksanakan
- PEMANTAPAN INTEGRITI - tanggungjawab & perjuangan kita bersama










**Kamsiah Ibrahim**
**kamsiah.ibrahim@sabah.gov.my**
**Tel: 088-315170(DL)**